

21/09/1997

18 syarikat diarah padam api

KUALA LUMPUR: Semua 18 syarikat perladangan tempatan termasuk milik beberapa agensi kerajaan, yang dikenal pasti menyebabkan pembakaran terbuka di Sumatera Utara dan Kalimantan, Indonesia, diarah bertindak segera memadam kebakaran itu yang menjadi punca terbesar jerebu.

Arahan itu yang dikeluarkan Perdana Menteri yang juga Pengarah Gerakan Negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, semalam, antara lain mengkehendaki syarikat terbabit menggunakan segala kemudahan yang ada termasuk membawa bersama sumber kewangan bagi memadam kebakaran itu secepat mungkin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Datuk Mohamed Rahmat, ketika mengumumkan arahan itu berkata, syarikat terbabit juga diarah menghubungi Bahagian Keselamatan Negara (BKN) secepat mungkin bagi menjelaskan pembabitan mereka serta tindakan yang sudah diambil dalam menangani masalah itu.

"BKN tidak teragak-agak mengisytiharkan nama syarikat terbabit sekiranya mereka tidak tampil ke depan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa Indonesia dan Malaysia bagi menangani masalah jerebu.

"Setakat ini, belum ada sebuah syarikat pun tampil membuat pengakuan berhubung pembabitan mereka dalam kejadian kebakaran itu," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Di majlis itu, Mohamed juga mengumumkan penubuhan tabung bagi membeli peralatan memadam api termasuk pam air kepada kerajaan Indonesia sebagai bukti keprihatinan rakyat Malaysia.

Mohamed dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding memulakan sumbangan peribadi RM2,000 kepada tabung itu yang akan dikendalikan oleh media massa yang akan ditentukan kelak.

Mohamed berkata, maklumat yang diperolehi menunjukkan sebanyak 43 syarikat Malaysia terbabit dalam kegiatan perladangan di Sumatera Utara dan Kalimantan termasuk 18 syarikat yang dikenal pasti terbabit secara langsung dengan pembakaran ladang.

Menurutnya, beliau difahamkan beberapa syarikat tempatan sudah dikenakan tindakan oleh kerajaan Indonesia yang menarik balik kebenaran beroperasi akibat kelalaian membiarkan kebakaran merebak.

Bagaimanapun, beliau tidak mengumumkan nama 18 syarikat tempatan yang terbabit dan syarikat yang sudah dikenakan tindakan oleh kerajaan Indonesia.

Beliau berkata, kerajaan sedia membantu syarikat tempatan yang mahu memadam kebakaran itu sekiranya mereka menghadapi masalah terutama dari aspek pengangkutan.

"Kita boleh menyediakan kemudahan pengangkutan termasuk kelengkapan pesawat jika mereka mahu bertindak memadam kebakaran itu," katanya.

(END)